

31 MAY 2003

Samy-Tol

KEMENTERIAN TIDAK AKAN BERI PELUANG KETIGA

KUANTAN, 31 Mei (Bernama) -- Kementerian Kerja Raya tidak akan melanjutkan tempoh penangguhan pelaksanaan sistem kutipan tol menggunakan kad Touch 'n Go di semua syarikat konsesi lebuhraya apabila tarikh penangguhannya tamat pada 31 Julai ini.

Menterinya Datuk Seri S Samy Vellu berkata selepas tarikh penangguhan tersebut, semua plaza tol mesti menggunakan sistem kad Touch 'n Go dan sekiranya ada syarikat yang gagal berbuat demikian tindakan menutup sistem yang sedia ada akan diambil.

Katanya, satu kertas kerja berkenaan perkara ini akan dibentangkan pada jemaah menteri untuk menjelaskan tindakan dan keputusan kerajaan yang telah diambil sejak lima tahun lepas.

"Kita tidak akan lanjutkan lagi tempoh pelaksanaan kerana perkara ini sudah tertangguh sejak lima tahun lepas. Bila sampai masa 1 Ogos 2003, pukul 12 malam, semua plaza tol mesti guna kad Touch 'n Go," katanya.

Katanya, dalam satu plaza tol akan ada satu lorong untuk Smart Card, dua lorong untuk Touch 'n Go dan yang lain adalah lorong untuk bayaran tunai yang dikutip oleh syarikat konsesi lebuhraya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan bangunan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Bandar Indera Mahkota.

Sekolah yang dibina dengan kos sebanyak RM10 juta ini merupakan sekolah SJKT yang terbesar di negara ini yang mampu memuatkan sehingga 1,200 orang pelajar pada satu masa.

Setakat ini sekolah ini mempunyai murid seramai 400 orang dan 20 orang guru, dan nama asalnya ialah SJKT Jalan Penjara Kuantan. Ia juga dilengkapi dengan sebuah makmal sains yang serba moden.

Sebelum itu dalam ucapan perasmianya Samy berkata kerajaan telah membentuk Pelan Tindakan 10 tahun (2003-2013) untuk membina semula sekolah-sekolah Tamil di seluruh negara.

Katanya terdapat 180 buah sekolah Tamil yang perlu dibina, pada tahun lepas sebanyak 19 buah sekolah telah dibina semula dan pada tahun ini beliau berkata permohonan untuk membina 18 buah sekolah telah disampaikan kepada Perdana Menteri datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Pembinaan semula sekolah-sekolah ini akan memantapkan lagi sistem pendidikan sekolah Tamil di negara ini dan ia sebagai faktor penggalak kepada ibu bapa untuk menghantar anak mereka ke sekolah Tamil," katanya.

Namun begitu, katanya kerajaan tidak akan membina sekolah Tamil dengan rekabentuk yang sama seperti SJKT Bandar Indera Mahkota, sebaliknya sekolah tersebut akan dibina dengan rekabentuk tersendiri dan lebih ekonomi.

Setakat katanya ini Jabatan Kerja Raya (JKR) telah selesai membina SJKT yang kedua terbesar di Kapar dengan kos RM2.6 juta yang mampu menampung murid seramai 1,400 orang dan 44 bilik darjah.

-- BERNAMA

LIB ZB